



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KERATAN AKHBAR 21 MEI 2017

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ISU : GAJI MINIMUM

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	21.05.2017 Ahad	UTUSAN MALAYSIA Pastikan patuhi Perintah Gaji Minimum	Dalam Negeri 14	Timbalan Menteri Sumber Manusia

Pastikan patuhi Perintah Gaji Minimum

KUANTAN 20 Mei - Golongan pekerja terutama yang baru mendapat kerja diminta supaya tidak takut untuk melaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia jika terdapat majikan yang tidak mematuhi Perintah Gaji Minimum 2016.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abdul Mutallib berkata, apabila menerima surat lantikan, majikan tidak boleh sewenang-mewangnya membuang pekerja yang membuat laporan mengenai kegagalan pembayaran gaji minimum.

"Kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja akan sentiasa melakukan pemantauan bagi memastikan majikan membayar gaji minimum RM1,000 bagi Semenanjung dan RM920 di Sabah dan Sarawak.

"Kegagalan majikan melaksanakan bayaran gaji minimum kepada para pekerja boleh menyebabkan mereka dikenakan tindakan tegas. Golongan pekerja perlu berani tampil untuk membuat laporan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melakukan tinjauan sempena Job Fair @ UTC 2.0 di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kuantan di sini hari ini.

Mengenai Job Fair @ UTC 2.0 di UTC Kuantan, Ismail berkata, seramai 2,000 pencari kerja disasarkan menghadiri program berkenaan.

"Di negeri ini sebanyak 1,703 jawatan ditawarkan yang membabitkan 1,296 jawatan untuk bukan siswazah dan 407 jawatan bagi siswazah.

"Program kali ini membabitkan 20 majikan dengan 17 majikan adalah dari negeri ini dan tiga majikan dari luar. Buat pertama kalinya syarikat dari Taman Industri Kuantan Malaysia-China (MCKIP) turut terlibat," katanya.

Beliau berkata, program berkenaan bertujuan untuk memberi maklumat terkini dan peluang yang ada kepada pencari kerja, seterusnya mendapatkan pekerjaan sesuai.

ISU : KARNIVAL JOB FAIR @ UTC 2.0 2017

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	21.05.2017 Ahad	UTUSAN MALAYSIA Tawar kerja di tempat sendiri	Dalam Negeri 20	JTK KL

Tawar kerja di tempat sendiri

KUALA LUMPUR 20 Mei - Pengumuman Job Fair @ UTC 2.0 2017 yang diadakan di seluruh negara hari ini membolehkan orang ramai berpeluang mendapatkan pekerjaan yang berdekatan di tempat masing-masing tanpa perlu berhijrah ke negeri lain.

Pengarah Jabatan Tenaga Kerja (JTK Kuala Lumpur), Kementerian Sumber Manusia, Aminuddin Ab. Rahman berkata, ini disebabkan Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang ada di setiap negeri mengadakan Program Job Fair @ UTC 2017 dengan menempatkan cawangan JTK yang dibuka dari 8 pagi sehingga 10 malam setiap hari bagi mereka yang ingin mencari pekerjaan.

"Dengan adanya pameran dan perkhidmatan seperti ini, pencari pekerjaan tidak perlu lagi untuk keluar atau berhijrah meninggalkan kampung halaman masing-masing hanya semata-mata untuk mendapatkan pekerjaan kerana di tempat mereka sendiri terdapat banyak peluang pekerjaan," katanya ketika ditemui dalam Program Job Fair @ UTC Kuala Lumpur 2.0 2017 di UTC Pudu Sentral, di sini hari ini.

Program sehari ini dikunjungi hampir 3,000 pengunjung yang menawarkan hampir 2,500 pekerjaan oleh 50 majikan yang mengambil bahagian.

Acara turut diserikan dengan kehadiran selebriti Helmi

The Gimmic dan pelbagai acara menarik termasuk cabutan nombor bertuah.

Aminuddin berkata, beliau turut sambutan menggalakan daripada orang ramai, JTK akan mengadakan program Jom Fair ini sebagai acara dwitahunan yang bakal menawarkan lebih banyak pekerjaan.

"Tahun lepas ketika pertama kali diadakan, ia mendapat sambutan dengan kehadiran lebih 5,000 pengunjung di UTC Pudu Sentral dan berjaya mendaftarkan seramai 3,000 pencari pekerjaan dan 1,500 daripada mereka beroleh pekerjaan di situ.

"Melihatkan sambutan yang hangat hari ini, kita bercadang mengadakan Job Fair 3.0 pada September akan datang di semua UTC seluruh negara," katanya.

Menurutnya, Job Fair bukan hanya memberi peluang pekerjaan kepada mereka yang baharu hendak memasuki pasaran kerja tetapi terdapat pelbagai tawaran kursus kemahiran dan keusahawanan bagi meningkatkan kerjaya untuk menambahkan pendapatan.

"Lebih menarik, Job Fair ini turut menjadi pemudah cara kepada golongan pesara, orang kurang upaya (OKU), suri rumah dan gelandangan untuk mencari pekerjaan yang mana kebanyakan agensi dan jabatan kerajaan turut kami panggil untuk menyertai pameran ini," katanya.



AMINUDDIN AB. RAHMAN (kiri) melihat orang ramai mendaftar dalam Program Job Fair @ UTC Kuala Lumpur 2.0 2017 di UTC Pudu Sentral, Kuala Lumpur semalam. - MINGGUAN/ROY AZIS ABD. AZIZ

ISU : LATIHAN KEMAHIRAN

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	21.05.2017 Ahad	UTUSAN MALAYSIA Dasar Kemahiran Johor sedia latihan kemahiran	Dalam Negeri 21	JTK Negeri Johor Pengerusi Jawatankusa Perpaduan dan Sumber Manusia Johor



R. VIDYANANTHAN (dua dari kiri) bertanya sesuatu kepada pencari peluang pekerjaan dalam Karnival Kerjaya@UTC Johor di Johor Bahru semalam. - MINGGUAN/ISHAK RAHMAD

Dasar Kemahiran Johor sedia latihan kemahiran

JOHOR BAHRU 20 Mei - Kerajaan negeri sedang merangka Dasar Kemahiran Johor bertujuan menyediakan pelbagai program latihan kemahiran kepada rakyat bersesuaian dengan kehendak pihak industri.

Pengerusi Jawatankusa Perpaduan dan Sumber Manusia negeri, R. Vidyantanthan berkata, dasar tersebut bagi memberi nilai tambah kepada golongan pekerja khususnya rakyat negeri ini.

Beliau berkata, ketika ini banyak program latihan kemahiran dijalankan secara berasingan oleh agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), namun menerusi dasar itu nanti program berkenaan akan disatukan dan disepadukan.

"Negeri ini sedang mengalami pembangunan pesat dengan kemasukan pelabur dari dalam dan luar negara. Dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang, keperluan pekerja berkemahiran akan meningkat.

"Bagi memastikan peluang pekerjaan ini diisi rakyat tempatan, kerajaan negeri sedang merancang pelaksanaan Dasar Kemahiran Johor," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Karnival Kerjaya@UTC Johor, di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Jabatan Tenaga Kerja negeri, Saifan Hamzah dan Pengurus

Program latihan kemahiran ini bukan sahaja tertumpu dalam aspek kemahiran berbentuk teknikal, malah juga bidang kerja lain seperti perhubungan awam."

R. VIDYANANTHAN
Pengerusi Jawatankusa
Perpaduan dan Sumber
Manusia Johor

Besar Unit Swadaya Insan Johor,

Muzalidin Mohamed, Vidyantanthan berkata, pihaknya juga sedang menubuhkan sebuah jawatankusa bagi menjalankan kajian mengenai kehendak majikan sebelum merangka program latihan kemahiran yang bersesuaian dengan pasaran kerja di negeri ini.

"Program latihan kemahiran ini bukan sahaja tertumpu dalam aspek kemahiran berbentuk teknikal, malah juga bidang kerja lain seperti perhubungan awam," katanya.

Sementara itu, Karnival Kerjaya@UTC Johor menawarkan sebanyak 2,000 peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang melibatkan 30 syarikat yang beroperasi di negeri ini termasuk Legoland Resort Malaysia, Johor Land Berhad dan Ranhill Water Services.